

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
ISNIN, 26 RAMADAN 1447H BERSAMAAN 16 MAC 2026M**

PJL05/01/2026

1

No. Soalan: PL081

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH
BIN HAJI OTHMAN

TARIKH : 16.03.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana cara pencapaian pelajar dalam aspek nilai sivik dan sahsiah dinilai dan diukur secara menyeluruh dan holistik, yang bukan hanya melalui peperiksaan?

JAWAPAN:

Pencapaian pelajar dalam aspek nilai Melayu Islam Beraja (MIB) memang diukur secara menyeluruh dan holistik, bukan semata-mata melalui peperiksaan bertulis sahaja. Sebagai contoh, dalam penilaian sekolah rendah bagi PSR, mata pelajaran MIB dinilai melalui dua komponen utama iaitu 60% peperiksaan bertulis bagi mengukur kefahaman konsep dan pengetahuan, manakala 40% lagi melalui projek dan pembentangan yang menilai penghayatan, aplikasi nilai serta kemahiran komunikasi pelajar.

Selain itu, melalui Penilaian Keseluruhan Sekolah, aspek *Whole School Evaluation* (WSE), sikap dan nilai turut dinilai secara berterusan oleh pihak sekolah berdasarkan amalan dan tingkah laku harian pelajar. Antara elemen yang diberi perhatian termasuk semangat patriotik, sikap bersopan santun, hormat-menghormati, tanggungjawab, disiplin serta penglibatan dalam aktiviti sekolah dan komuniti.

Berdasarkan penilaian dalaman yang melibatkan 153 buah sekolah pada tahun 2024, purata pencapaian keseluruhan bagi Sekolah Rendah ialah Band 3.4, Sekolah Menengah Band 3.7, manakala Maktab dan Pusat Tingkatan Enam mencatat Band 4.2. Sekolah yang mencapai Band 3 dikategorikan sebagai mencapai tahap baik, Band 4 sebagai sangat baik, manakala Band tertinggi iaitu Band 5 menunjukkan tahap cemerlang.

Pendekatan ini menunjukkan bahawa penilaian nilai dan sahsiah pelajar dilaksanakan secara sistematik dan berterusan bagi memastikan pembentukan insan yang berilmu, berakhlak dan berjati diri selaras dengan aspirasi pendidikan negara.

No. Soalan: PL039

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN**

TARIKH : **16.03.2026 [ISNIN]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian Pendidikan bagi memastikan sistem persekolahan integrasi tidak menjejaskan akses pendidikan bagi pelajar berkeperluan khas, tidak kira perbezaan agama khususnya dari segi penyesuaian kurikulum, penyediaan bahan pengajaran, serta mekanisme pemantauan hasil pembelajaran?

JAWAPAN:

AKSES PENDIDIKAN BAGI PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum (CDD) dan Jabatan Pendidikan Khas (JPKHAS) sentiasa bekerjasama rapat dengan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memastikan kurikulum Pendidikan Islam yang dibangunkan di bawah sistem pengintegrasian adalah menyeluruh, inklusif serta memenuhi keperluan pembelajaran semua pelajar, termasuk pelajar berkeperluan khas. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:

i. Sukatan Pelajaran dan Penilaian

Penyediaan Kurikulum Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) yang memfokuskan kepada tiga komponen utama, iaitu Kemahiran Asas Al-Quran, Kemahiran Asas Ibadah dan Amali Ugama serta Kemahiran Asas Jawi. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan para pelajar berkeperluan khas dapat menguasai asas pendidikan ugama secara berperingkat, bersesuaian dengan tahap keupayaan dan keperluan pembelajaran masing-masing.

Disamping itu, sistem penilaian diagnostik juga dilaksanakan secara berterusan bagi memantau serta menilai perkembangan pembelajaran secara menyeluruh. Melalui penilaian ini, keperluan pembelajaran individu dapat dikenal pasti dengan lebih awal, seterusnya membolehkan penyediaan sistem sokongan pembelajaran (learning support) yang bersesuaian dapat diberikan.

ii. Program Latihan dan Perkembangan Profesional

Penawaran Kursus Pengenalan Pendidikan Khas kepada guru-guru agama dan Guru Pendidikan Khas Agama sebagai usaha memperkuat kemahiran guru dalam mengendalikan pembelajaran inklusif. Setakat Oktober 2025, seramai 190 guru agama dari sekolah kerajaan dan swasta telah mengikuti kursus berkenaan bagi memastikan penyampaian pengajaran dapat dilaksanakan secara lebih efektif dan responsif terhadap keperluan pelajar berkeperluan khas.

iii. Prasarana dan Kemudahan

Kementerian Pendidikan akan sentiasa berusaha dalam menyediakan prasarana serta sumber pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan pelajar, di samping menyediakan infrastruktur yang lebih inklusif antaranya kemudahan tempat berwudhu khas bagi pelajar yang menggunakan kerusi roda serta kemudahan sokongan lain yang relevan.

Insha Allah, Kementerian Pendidikan akan sentiasa berkerjasama dengan Jabatan Pengajian Islam bagi memastikan akses pendidikan agama kepada pelajar berkeperluan khas dapat dilaksanakan secara efektif dan inklusif, selaras dengan Dasar Pendidikan Inklusif yang telah lama diamalkan dalam Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

No. Soalan: PL043

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED**

TARIKH : **16.03.2026 [ISNIN]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca sebahagian pelajar masih lemah dalam penguasaan kemahiran asas pembelajaran pada peringkat awal persekolahan, termasuk literasi, numerasi dan kefahaman? Apakah pembaharuan telah dilaksanakan bagi memastikan asas pendidikan diperkukuh sebelum pelajar melangkah ke peringkat seterusnya?

JAWAPAN:

Alhamdulillah merujuk kepada analisis penilaian psikometrik *Student Learning Survey* (SLS) bagi tempoh 2022 hingga 2024, prestasi pelajar dalam domain literasi bahasa Inggeris menunjukkan pencapaian yang sangat memberangsangkan, di mana peratusan pelajar yang mencapai tahap penguasaan minimum bagi setiap peringkat tahun adalah di peringkat 95% ke atas.

Walau bagaimanapun, analisis data yang sama turut menunjukkan bahawa cabaran masih wujud dalam penguasaan numerasi, di mana sebahagian pelajar belum mencapai tahap kompetensi matematik yang sepadan dengan umur dan tahap persekolahan mereka. Perkara ini memang menjadi satu keutamaan bagi pihak Kementerian Pendidikan. Buat masa ini tiada kajian terkini yang dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam mengenai punca kenapa perkara ini berlaku. Walau bagaimanapun memandangkan ianya turut merupakan isu global yang dihadapi oleh sistem pendidikan di negara-negara lain, kita boleh merujuk kepada dapatan beberapa kajian yang berkaitan secara umum. Perkara ini lazimnya berpunca daripada beberapa faktor seperti perbezaan tahap kesediaan pembelajaran murid semasa memasuki sekolah, jurang penguasaan konsep asas matematik pada peringkat awal, serta keperluan untuk memperkukuhkan pendekatan pedagogi yang lebih berfokus kepada pemahaman konsep. Selain penguasaan kemahiran asas, faktor sikap negatif terhadap Matematik dan keresahan terhadap Matematik juga dikenal pasti sebagai antara perkara yang boleh mempengaruhi tahap keyakinan dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa langkah bagi memperkukuh asas pembelajaran pelajar. Antaranya adalah:

- i. Pelaksanaan *Renaissance Mathematics* yang menekankan penguasaan konsep asas dan kemahiran penyelesaian masalah sejak peringkat sekolah rendah;
- ii. Semakan kurikulum (*curriculum review*) bagi memastikan perisian dan kesinambungan silibus pembelajaran pada peringkat awal memberi tumpuan kepada kemahiran asas literasi dan numerasi sebelum pelajar mempelajari topik yang lebih kompleks;
- iii. Memperkenalkan buku teks matematik yang disemak semula sejajar dengan amalan terbaik serantau, termasuk pendekatan *Concrete–Pictorial–Abstract* bagi membantu pelajar membina pemahaman secara lebih sistematik;
- iv. Mengadakan intervensi iaitu *Program Learning Support* yang menyediakan sokongan tambahan kepada pelajar bagi mengukuhkan penguasaan kemahiran asas; dan
- v. Dapatan penilaian seperti *Student Learning Survey* (SLS) turut digunakan bagi mengenal pasti jurang pembelajaran lebih awal dan melaksanakan intervensi sokongan yang bersesuaian.

Melalui langkah-langkah ini, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha memastikan asas literasi dan numerasi pelajar diperkukuh agar mereka lebih bersedia untuk pembelajaran seterusnya.

No. Soalan: PL068

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB**

TARIKH : **16.03.2026 [ISNIN]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana kerajaan merangka dasar ekonomi hijau bagi mewujudkan peluang pekerjaan baharu, menggalakkan inovasi tempatan serta melindungi alam sekitar dalam jangka panjang?

JAWAPAN:

Kerajaan merangka dasar ekonomi hijau secara strategik dan bersepadu selaras dengan hala tuju *Brunei Economic Blueprint* dan pelaksanaan *Industry Roadmap* bagi lima sektor keutamaan negara. Pendekatan ini bertujuan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menjana peluang pekerjaan baru serta menggalakkan inovasi tempatan tanpa menjejaskan kelestarian alam sekitar.

Antara langkah utama ialah pembangunan *Brunei Green Economy Framework* dan penyediaan *Sustainability Roadmap* ke arah mencapai sasaran *Net Zero Carbon Emission*. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada pembangunan sektor tenaga dan industri rendah karbon, termasuk penerokaan peluang dalam teknologi hijau, kecekapan tenaga serta pengurusan karbon. Usaha ini turut disokong oleh Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (*Brunei Darussalam National Climate Change Policy – BNCCP*) yang menyediakan hala tuju komprehensif ke arah ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan iklim, selaras dengan komitmen negara di bawah Perjanjian Paris. Di samping mengurangkan pelepasan karbon melalui peralihan tenaga dan pembangunan industri rendah karbon, pendekatan ini juga menekankan aspek adaptasi perubahan iklim melalui pelaksanaan Pelan Adaptasi Kebangsaan (*National Adaptation Plan – NAP*) bagi memperkukuh daya tahan sektor ekonomi, komuniti dan alam sekitar terhadap kesan perubahan iklim.

Antara inisiatif-inisiatif yang dimaksudkan adalah termasuk peningkatan kecekapan dari sudut permintaan dan pembekalan tenaga; penggunaan sumber tenaga alternatif dan lebih bersih; dan penerapan penyelesaian rendah karbon atau *low carbon solutions* dalam konsep kluster Perindustrian. Di samping itu, elemen kemampanan turut diintegrasikan dalam pembangunan sektor makanan, ICT, perkhidmatan dan hiliran minyak dan gas melalui penerapan teknologi, inovasi dan peningkatan kecekapan sumber.

Dalam jangka masa pendek dan sederhana, beberapa projek baharu sedang dimajukan termasuk projek tenaga solar berskala besar di Sungai Liang dan Kampong Belimbing yang memulakan pembinaan pada tahun 2025 dan 2026, di samping usaha meneroka pengeluaran produk hiliran rendah karbon seperti hidrogen hijau, ammonia hijau dan metanol hijau dengan memanfaatkan keupayaan sedia ada dalam sektor tenaga dan perindustrian negara.

Penekanan juga diberikan kepada pemerksaan MSMEs dan perusahaan baru agar dapat menyertai rantai nilai ekonomi hijau, sekaligus mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada anak-anak tempatan. Seiring dengan hala tuju ini, kesiapsiagaan tenaga kerja bagi menyokong ekonomi rendah karbon diperkukuh melalui Rangka Kerja *Skills and Capacity for Alternative Low-Carbon Energy (SCALE)* yang disejajarkan dengan Pelan Pendidikan Hijau dan dilaksanakan bersama MISC-Energy bagi menyelaraskan keperluan kemahiran sektor tenaga dengan perancangan tenaga kerja, pendidikan dan latihan, agar anak-anak tempatan kitani bersedia merebut peluang pekerjaan bernilai tambah. Peluang latihan industri turut disediakan melalui projek tenaga boleh diperbaharui, termasuk penempatan pelatih IBTE dan Politeknik Brunei di projek tenaga suria 30MW di Kampong Belimbing bagi pendedahan praktikal kepada pemasangan, operasi dan penyelenggaraan sistem solar berskala utiliti.

Kerajaan turut membangunkan dasar dan perundangan yang jelas bagi membantu negara ini untuk mengawal selia, memantau dan menguatkuasakan aktiviti-aktiviti di bawah inisiatif ekonomi hijau; memanfaatkan pelbagai aliran pembiayaan seperti *green financing* dan *energy pricing* sebagai pemboleh utama untuk peralihan ekonomi ke ekonomi hijau; menubuhkan kerjasama bersama dengan pihak swasta atau organisasi pelbagai hala (*multi-lateral organisation*) bagi membantu meningkatkan usaha hijau Brunei seperti menarik FDI untuk membangunkan industri hijau; membangunkan infrastruktur untuk meningkatkan kapasiti tenaga yang dapat diperbaharui (*renewable energy*) dan infrastruktur pengurusan sisa (*waste management*), yang mana juga akan dapat membolehkan peluang hijau yang lain; dan peningkatan kapasiti dalam R&D dan kemahiran tenaga kerja akan dapat membantu menarik pelaburan untuk mencapai pengeluaran dengan cekap dan berkualiti.

Secara keseluruhannya, dasar ekonomi hijau negara dirangka sebagai strategi transformasi jangka panjang yang menseimbangkan pertumbuhan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PL086

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT HAJI AWANG SULAIMAN
BIN HAJI NASIR**

TARIKH : **16.03.2026 [ISNIN]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG SULAIMAN BIN HAJI NASIR meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan faktor utama yang menyumbang kepada kenaikan harga barang keperluan asas di negara ini dan bagaimana tahap pendapatan rakyat diselaraskan dengan isu kenaikan kos sara hidup?

JAWAPAN:

Sebagai sebuah negara kecil yang terbuka dan bergantung kepada import bagi memenuhi sebahagian besar keperluan makanan serta barangan asas, Negara Brunei Darussalam sememangnya terdedah kepada perkembangan dan ketidakpastian pasaran antarabangsa. Kenaikan harga global ketika ini dipacu oleh faktor-faktor luaran seperti ketegangan geopolitik termasuk di Timur Tengah, yang menjejaskan rantai bekalan dan kos logistik serta perubahan dasar perdagangan, dan keadaan cuaca ekstrem yang menjejaskan hasil pertanian negara pengeluar utama. Perkembangan ini secara langsung meningkatkan kos import dan seterusnya memberi kesan kepada harga domestik.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) telah melaksanakan pemantauan harga barangan makanan asasi terpilih secara konsisten sejak akhir tahun 2020. Berdasarkan analisis perbandingan antara tahun 2021 dan 2025 menunjukkan harga ayam bulat meningkat sekitar 10 peratus, antara lain disebabkan kenaikan kos makanan ternakan import seperti jagung dan kacang soya. Harga daging beku, bawang putih dan halia turut meningkat berikutan gangguan bekalan dan kos import yang lebih tinggi. Namun demikian, harga daging segar, bawang merah dan cili menunjukkan penurunan, manakala harga telur ayam gred B kekal relatif stabil.

Selain itu, harga minyak masak dan marjerin juga telah meningkat sehingga sekitar 29 peratus, manakala harga mentega meningkat sehingga 26 peratus, selaras dengan peningkatan harga minyak sayuran yang dipengaruhi oleh hasil tuaian yang terjejas akibat faktor cuaca, peningkatan kos pengeluaran serta permintaan global yang tinggi.

Selain faktor kos dan bekalan, harga juga dipengaruhi oleh corak permintaan pengguna, termasuk kecenderungan terhadap jenama tertentu atau produk premium. Sehubungan itu, pengguna digalakkan membuat perbandingan harga dan memilih alternatif yang lebih berpatutan.

Bagi meningkatkan ketelusan, JPES menerbitkan senarai harga mingguan barangan asasi melalui saluran sesawang rasmi Kementerian. Di samping itu, Kerajaan turut melaksanakan penetapan harga maksimum bermusim menjelang bulan Ramadhan sehingga minggu pertama Syawal bagi barangan terpilih seperti ayam, telur, mentega dan tepung.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus menyediakan subsidi bagi keperluan asas seperti beras, bahan api, elektrik dan air sebagai langkah meringankan kos sara hidup.

Keseluruhannya, langkah pemantauan harga, kawalan bermusim dan penyediaan subsidi mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan untuk memastikan barangan asas kekal boleh diperolehi pada harga yang munasabah dan stabil dalam persekitaran global yang mencabar.

No. Soalan: PL129

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

TARIKH : **16.03.2026 [ISNIN]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah protokol kontingensi antara agensi yang tersedia untuk mengurus kejutan kualiti air akibat iklim (contohnya, pencucian asid, lonjakan kekeruhan)? Sejauhmana ianya diuji atau disimulasikan setiap tahun?

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air sentiasa memantau keadaan air sungai setiap hari pada jam 8:00 pagi khususnya selepas banjir mula surut seperti yang di bawah;

- Ujian balang (*jar test*) dijalankan bagi menentukan kadar dos bahan kimia yang paling optimum.
- Kadar aliran masuk air mentah ke loji rawatan air diperlahankan bagi memastikan proses rawatan lebih terkawal dan berkesan iaitu pengurangan *raw water inflow*.
- Pemantauan kualiti air dilaksanakan secara rapi dan berterusan selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.
- Membuka Layong *bypass support* jika perlu bagi menaikkan paras tangki utama.
- Pelaksanaan *throttling* (pengawalan kadar aliran) di tangki utama, iaitu seperti di Lambak Kanan, bagi menstabilkan sistem agihan (*distribution*).
- Kerja-kerja *flushing* dilaksanakan di kawasan yang terjejas termasuk di lokasi hujung rangkaian (*endpoint*) bagi memastikan kualiti air kembali memuaskan.
- Pensampelan air dijalankan di tangki-tangki utama serta melalui persampelan rawak (*random samplings*) bagi tujuan pemantauan kualiti air secara berterusan dan menyeluruh.

Bagi langkah ke hadapan ada beberapa perkara dilaksana dan dirancang seperti berikut:

- Pembinaan Loji Rawatan Air Peringkat 8 di mana reka bentuk loji ini dibangunkan berasaskan konsep *climate resilience*, dengan mengambil kira ketahanan terhadap perubahan iklim. Loji ini direka dengan ***retention time***

yang lebih panjang bagi proses rawatan air, sekaligus berupaya mengatasi isu air sungai kehitaman serta meningkatkan keberkesanan proses rawatan air dalam keadaan kualiti air mentah yang mencabar.

- Pemasangan alat pengukur hujan (*rain gauge*) di Empangan Ulu Tutong yang mana data yang diperoleh daripada alat ini boleh digunakan untuk tujuan analisis ramalan cuaca, perancangan operasi loji rawatan air serta langkah mitigasi awal dalam menghadapi risiko banjir atau kemerosotan kualiti air mentah.
- Kajian bagi air mentah alternatif iaitu bagi mengkaji kebolehlaksanaan untuk membina stesen pam air mentah dan paip baru di Empangan Benutan dan juga Empangan Ulu Tutong bagi loji loji rawatan air bukit barun dan layong sebagai sumber alternatif bekalan air mentah semasa musim air sungai kehitaman.